

Menaruh Harapan, Melakar Impian



Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) terdiri daripada 10 buah negara, iaitu Indonesia, Thailand, Vietnam, Malaysia, Singapura, Filipina, Myanmar, Kemboja, Laos dan Brunei Darussalam. Kesemua negara anggota ASEAN itu sedar akan wujudnya kepentingan bersama dan saling bergantung antara rakyat dengan negara masing-masing yang terikat dengan geografi, matlamat bersama dan hala tuju yang sama.

Piagam ASEAN merupakan rangka undang-undang dan institusi untuk merealisasikan dan mencapai 15 tujuan serta prinsip ASEAN, sekali gus menjadi garis panduan utama tabdir urus organisasi tersebut. Dalam Bab X: Pentadbiran dan Tatacara, Perkara 34 dengan jelas dinyatakan bahawa "Bahasa Kerja ASEAN ialah Bahasa Inggeris". Dengan kata lain, bahasa rasmi ASEAN ialah bahasa Inggeris dengan maksud segala urusan rasmi dalam kalangan negara anggota ASEAN, termasuk dalam Sidang Kemuncaknya dilaksanakan dalam bahasa Inggeris.

Sekilas pandang, peluang dan ruang untuk bahasa Melayu menjadi antara bahasa kerja ASEAN sudah terkakup rapat kerana dalam Piagam ASEAN tidak dinyatakan secara eksplisit mahupun implisit bahawa bahasa-bahasa rasmi negara anggota ASEAN, termasuk bahasa Melayu (Malaysia), boleh diangkat sebagai salah satu bahasa kerjanya. Walaupun demikian, hal itu tidak bermakna, Malaysia tidak boleh menaruh harapan dan melakar impian bahawa bahasa Melayu berpeluang menjadi satu bahasa kerja ASEAN suatu waktu nanti.



Dalam pada itu, perlu diingat, negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Singapura berkemungkinan besar akan turut mengusulkan agar bahasa Indonesia, bahasa Thai atau bahasa Mandarin sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN.



Seyogianya, laluan untuk bahasa Melayu menjadi satu daripada bahasa kerja ASEAN penuh ranjau dan duri. Tidak ada jalan pintas untuk mencapai tujuan itu, melainkan harus berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekangan. Pada hemat penulis, cabaran utamanya ialah politik bahasa, kerana masing-masing negara anggota ASEAN mempunyai bahasa rasminya sendiri. Faktor ini sudah tentu akan mempengaruhi keputusan masing-masing negara, sama ada untuk menyetujui ataupun tidak menyetujui bahasa Melayu Malaysia dijadikan satu bahasa kerja ASEAN.

Apa-apa pun, cadangan untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN hendaklah diusulkan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam Sidang Kemuncak ASEAN yang diadakan dua tahun sekali sesuai dengan statusnya yang menjadi badan pembuat dasar ASEAN yang utama sementelah "usul bahasa Melayu sebagai satu bahasa kerja ASEAN" adalah berhubung kait dengan dasar-dasar ASEAN yang mesti dipersetujui oleh semua ketua negara atau kerajaan negara anggota ASEAN.

Pengemukakan usul "Bahasa Melayu sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN" tidak bercanggah dengan Tujuan dan Prinsip ASEAN kerana dalam Piagam ASEAN, Bab XIII: Peruntukan AM dan Akhir, Perkara 48: Pindaan, mana-mana negara anggota ASEAN boleh mencadangkan pindaan kepada Piagam ASEAN dengan syarat pindaan yang dicadangkan itu hendaklah dikemukakan oleh Majlis Penyelarasan ASEAN melalui konsensus kepada Sidang Kemuncak ASEAN untuk keputusannya.

Syarat yang selanjutnya ialah pindaan kepada Piagam itu yang dipersetujui melalui konsensus oleh Sidang Kemuncak ASEAN hendaklah diratifikasikan oleh kesemua negara anggota ASEAN selaras dengan Perkara 47 dalam Bab XIII yang berkaitan dengan Tandatanganan, Ratifikasi, Tempat Simpanan dan Permulaan Kuat Kuasa.

Permasalahan pokok yang harus ditangani sebelum usul tersebut dikemukakan adalah dengan memperoleh konsensus daripada semua ketua negara anggota ASEAN, khususnya Brunei Darussalam, Indonesia, dan Malaysia tentunya. Bahkan jauh lebih awal, paling tidak lima tahun sebelum Sidang Kemuncak ASEAN diadakan, ketua-ketua negara anggota ASEAN sudah diyakini tentang kewajaran, kepentingan dan keperluan bahasa Melayu dimasukkan sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN.

Dalam pada itu, perlu diingat, negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Singapura berkemungkinan besar akan turut mengusulkan agar bahasa Indonesia, bahasa Thai atau bahasa Mandarin sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN. Jika terjadi persaingan antara



Laluan sukar bagi bahasa Melayu untuk diterima sebagai bahasa kerja ASEAN.

bahasa Melayu, bahasa Indonesia, bahasa Thai dan bahasa Mandarin, sudah tentu *status quo* bahasa Inggeris sebagai bahasa kerja ASEAN akan kekal, dan menjadi lebih dominan. Apatah lagi, status dan peranan bahasa Inggeris sebagai bahasa kerja ASEAN memang sudah termaktub dalam Piagam ASEAN – secara konsensus, pada hemat penulis, Sidang Kemuncak ASEAN akan menanggukkan usul memasukkan bahasa Melayu sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN.

Kendatipun laluan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN kelihatan sukar, dan berliku-liku, namun prakarsa serta tatatindak yang berterusan harus digerakkan. Penulis berpandangan, terdapat dua dimensi dan prinsip utama yang perlu direncanakan dan dilaksanakan untuk mencapai hasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN.

Prinsip dan dimensi pertama adalah dengan memastikan sebanyak mungkin negara anggota ASEAN, khususnya para Ketua Negeranya, dan sebanyak mungkin kakitangan Sekretariat ASEAN di masing-masing negara anggotanya mempunyai tahap kesedaran yang relatif tinggi tentang keperluan, kekuatan, kelebihan serta peluang bahasa Melayu sebagai bahasa moden dan komunikatif politik yang berwibawa yang perlu diangkat untuk menjadi satu daripada bahasa kerja ASEAN.

Dari segi politik bahasa, saingan utama kepada bahasa Melayu ialah bahasa Indonesia. Oleh itu, Malaysia harus mempunyai justifikasi yang utuh, dan sebab-sebab yang ampuh untuk mewajarkan bahasa Melayu Malaysia diangkat sebagai satu daripada bahasa kerja atau bahasa ucapan utama masing-masing Ketua Negara yang berkenaan.

Prakarsa pertama yang perlu dilakukan oleh pihak Malaysia termasuklah berbincang dengan pihak Indonesia, khususnya untuk saling menyetujui penggunaan istilah Bahasa Melayu–Indonesia untuk diusulkan oleh Ketua Negara Malaysia kepada Sidang Kemuncak ASEAN. Oleh itu, pada hemat penulis, Malaysia harus terlebih dahulu mengadakan rundingan dua hala dengan pihak Indonesia berkenaan dengan usul untuk menjadikan Bahasa Melayu–Indonesia sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN. Usul itu perlu dibincangkan dengan Brunei Darussalam dan Singapura serta negara-negara anggota ASEAN yang lain untuk melobi agar negara-negara tersebut menyokong usul berkenaan dalam Sidang Kemuncak ASEAN.

Peretujuan daripada Ketua Negara Indonesia ini cukup penting kerana berbanding dengan bahasa Melayu Malaysia, bahasa Indonesia lebih dominan dari

“

Apa-apa pun, persetujuan secara konsensus dalam kalangan Negara Anggota ASEAN dalam apa-apa juga perkara dan usul, termasuklah usul untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN ialah persoalan pokok yang akan menjadi penentu utamanya.

”

segi jumlah penuturnya, dan pusat pengajian bahasa itu di luar negara jauh lebih banyak serta meluas di serata dunia, dan tidak termasuk program pengajaran Bahasa Indonesia bagi Penutur Asing (BIPA) yang sememangnya berkembang pesat serta tersebar luas. Pengajian Bahasa Indonesia terdapat di negara-negara kuasa besar seperti di University of Yale, University of Hawaii, University of Melbourne, Tokyo University for Foreign Studies, Leiden University, Hankuk University of Foreign Studies, SOAS University of London, University of Southern Queensland dan Taras Schevchenko of Kyiv.

Di China, bahasa Indonesia dijadikan mata kuliah di Universiti Peking, Universiti Kajian Asing Beijing, Universiti Kajian Asing Tianjin, Universiti Kajian Antarabangsa Shanghai, Universiti Bahasa Quangxi, Universiti Quangxi untuk Kebangsaan, Universiti Kajian Antarabangsa Xi'an, dan Universiti Kajian Asing Qungzhou. Di Jerman pula, terdapat 12 buah universiti yang menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahan kuliah. Oleh itu, disebabkan status bahasa Indonesia yang demikian mantap di pelbagai universiti di luar negara itulah, Malaysia mahu tidak mahu mesti berunding dengan Indonesia terlebih dahulu tentang usul bahasa Melayu Malaysia atau Bahasa Melayu–Indonesia sebagai satu bahasa kerja ASEAN. Sokongan Indonesia khususnya, serta negara-negara anggota ASEAN itu amatlah signifikan, dan itulah keutamaan yang perlu diberikan perhatian oleh pihak Malaysia.

Prinsip dan dimensi yang kedua adalah dengan mewujudkan Pustaka Malaysia di negara-negara seperti Thailand, Myanmar, Laos, Kemboja, Filipina dan Vietnam. Fungsi utama Pustaka Malaysia ini adalah untuk memperkenalkan bahasa Melayu di negara-negara tersebut, sekali gus mengadakan kursus kecekapan bahasa Melayu kepada kakitangan Sekretariat ASEAN, dan ekspatriat serta kakitangan Kementerian Luar masing-masing negara. Pewujudan Pustaka Malaysia ini cukup penting sebagai langkah awal untuk memperkenalkan bahasa Melayu kepada mereka, dan memupuk kefahaman mereka terhadap bahasa itu. Pustaka Malaysia juga boleh mengadakan Kursus Terjemahan Bahasa Melayu–Bahasa Rasmi masing-masing negara, selain menjadi pusat untuk mempromosikan bahasa, sastera dan budaya Malaysia di negara-negara berkenaan, sama seperti sebahagian daripada fungsi yang dimainkan oleh British Council di luar negara.

Seterusnya, setelah Pustaka Malaysia mantap di negara-negara anggota ASEAN, bolehlah dimulakan gerakan untuk melebarkan sayapnya ke beberapa buah negara lain yang difikirkan wajar diwujudkan Pustaka Malaysia itu seperti di Bangladesh, Pakistan, Nepal, Arab Saudi, Turki, Australia, India, dan negara-negara yang mahu akan pusat sedemikian diadakan di negara masing-masing seperti di Eropah, dan negara-negara Asia yang berminat.

Kejayaan hasrat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN, dan akhirnya sebagai satu daripada bahasa utama dunia, juga bergantung pada *status quo* bahasa itu dalam negara ini. Pelbagai permasalahan dan kasus yang menimpa bahasa itu yang boleh menimbulkan ketidakyakinan atau persepsi negatif negara-negara ASEAN yang lain terhadap kemampuan dan kewibawaan bahasa itu sebagai bahasa kerja, seharusnya ditangani terlebih dahulu.

Dalam pada itu, kesungguhan politik turut memainkan peranan yang signifikan bagi memastikan bahasa Melayu dapat diangkat untuk menjadi bahasa kerja ASEAN di samping bahasa Inggeris. Oleh hal yang demikian, langkah pragmatik sulung yang perlu direalisasikan ialah Ketua Negara Malaysia berucap dalam bahasa Melayu dalam Sidang Kemuncak ASEAN berserta terjemahannya dalam bahasa Inggeris, dan bahasa-bahasa rasmi negara-negara anggota ASEAN yang lain.

Apa-apa pun, persetujuan secara konsensus dalam kalangan negara anggota ASEAN dalam apa-apa juga perkara dan usul, termasuklah usul untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai satu daripada bahasa kerja ASEAN ialah persoalan pokok yang akan menjadi penentu utamanya. [P]